



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 69
Bil. 19

15hb September 2016

*TAMBAHAN
No. 1*

No. 2549.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Manjung bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia.

Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Manjung pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Perbandaran Manjung bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN
b.p Ketua Audit Negara
Malaysia

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG, PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Tuan Haji Ahmad Shazali bin Mohd Amin dan En Teng Keek Soong yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Manjung dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikutnya ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Manjung pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis
t.t.

TUAN HAJI AHMAD SHAZALI BIN
MOHD AMIN
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Manjung
Bertarikh 13 Februari 2015

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis
t.t.

EN TENG KEEK SOONG
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Manjung
Bertarikh 13 Februari 2015

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Dato' Zamri bin Man, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Manjung, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya) t.t.
diakui oleh penama di atas) Zamri bin Man
di Manjung pada 13 Februari 2015) Yang Dipertua
) Majlis Perbandaran Manjung

Di hadapan saya,

t.t.
Pesuruhjaya Sumpah
Majistret Negeri Perak

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG,
PERAK DARUL RIDZUAN
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	NOTA	2014 RM	2013 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah dan Peralatan	4	94,885,980	95,651,891
Kerja Dalam Pelaksanaan	5	2,455,384	944,824
Jumlah Aset Bukan Semasa		97,341,364	96,596,715
ASET SEMASA			
Penghutang	6	4,635,781	3,510,681
Pendahuluan Pinjaman	7	143,571	74,327
Bayaran Terdahulu	8	140,288	75,343
Cagaran Dibayar	9	29,285	6,905
Simpanan Tetap	10	7,399,468	9,402,813
Wang di Bank Dan di Tangan	11	1,625,804	1,239,039
Jumlah Aset Semasa		13,974,197	14,309,108
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	12	5,613,484	4,331,176
Terimaan Terdahulu	13	1,041,238	1,565,629
Cagaran Diterima	14	2,478,124	2,302,221
Jumlah Liabiliti Semasa		9,132,846	8,199,026
ASET SEMASA BERSIH			
		4,841,351	6,110,082
		102,182,715	102,706,797
Dibiayai Oleh:			
Kumpulan Wang	15	37,153,785	38,289,440
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	16	64,076,560	63,464,987
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Liabiliti Atas Tanah Milik Pajakan	4	952,370	952,370
		102,182,715	102,706,797

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG,
PERAK DARUL RIDZUAN
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

		2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN			
	Nota		
Hasil Cukai	17	27,806,362	23,800,408
Hasil Bukan Cukai	18	10,117,012	9,631,534
Terimaan Bukan Hasil	19	6,710,714	6,190,987
		<hr/>	<hr/>
JUMLAH		44,634,088	39,622,929
		<hr/>	<hr/>
PERBELANJAAN			
Emolumen	20	14,741,379	13,194,745
Perkhidmatan dan Bekalan	21	26,919,835	26,283,498
Harta Modal	22	462,556	712,310
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	23	109,258	202,018
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	24	1,091,168	1,441,252
Susutnilai	4	3,665,697	3,211,794
Pembangunan	25	1,205,308	1,316,203
		<hr/>	<hr/>
JUMLAH		48,195,201	46,361,820
		<hr/>	<hr/>
KURANGAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN		(3,561,113)	(6,738,891)
		<hr/>	<hr/>

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Lain-Lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	
Baki Pada 1hb Jan. 2013	41,010,345	200,000	50,000	3,931,787	176,465	45,368,597
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(6,738,891)	0	0	0	0	(6,738,891)
Tambahan	0	0	0	0	2,184,481	2,184,481
Perbelanjaan	0	0	0	(685,240)	(1,839,507)	(2,524,747)
Baki Pada 31hb Dis. 2013	34,271,454	200,000	50,000	3,246,547	521,439	38,289,440
Pelarasan Tahun Lalu	(3,298)	0	0	0	0	(3,298)
Baki Pada 31hb. Dis. 2013 Dinyatakan Semula	34,268,156	200,000	50,000	3,246,547	521,439	38,286,142
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(3,561,113)	0	0	0	0	(3,561,113)
Tambahan Sumbangan Semasa	0	0	0	4,067,811	1,487,328	5,555,139
Perbelanjaan	0	0	0	(2,109,591)	(1,016,792)	(3,126,383)
Baki Pada 31hb. Dis. 2014	30,707,043	200,000	50,000	5,204,767	991,975	37,153,785

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kurangan Pendapatan atas Perbelanjaan		(3,561,113)	(6,738,891)
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:			
Peruntukan Hutang Ragu Dibaik Pulih		(74,870)	(157,499)
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan		(2,264,131)	(1,891,636)
Susutnilai Hartanah dan Peralatan		3,665,697	3,211,794
Hapuskira Penghutang		14,710	125,333
Peruntukan Hutang Ragu		342,738	784,689
Hapuskira Hartanah dan Peralatan		2	0
Keuntungan Daripada Pelupusan Hartanah dan Peralatan		(38,045)	0
		-----	-----
Kurangan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja		(1,915,012)	(4,666,210)
		-----	-----
Perubahan Modal Kerja :			
Penghutang		(1,437,088)	(431,779)
Pendahuluan Pinjaman		(69,244)	(44,455)
Bayaran Terdahulu		(64,945)	42,851
Pemiutang		1,298,423	1,899,566
Terimaan Terdahulu		(536,775)	768,540
Cagaran		175,903	152,541
Kumpulan Wang Pembangunan		1,958,220	(685,240)
Kumpulan Wang Lain-lain		470,536	344,974
		-----	-----
Aliran Tunai digunakan dalam Aktiviti Operasi		(119,982)	(2,619,212)
		-----	-----
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah dan Peralatan	A	(801,189)	(551,521)
Kerja Dalam Perlaksanaan		(733,459)	(801,604)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah dan Peralatan		38,050	0
		-----	-----
Aliran Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pelaburan		(1,496,598)	(1,353,125)
		-----	-----

	Nota	2014 RM	2013 RM
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI			
Penurunan Bersih		(1,616,580)	(3,972,337)
Pada 1hb Jan		10,641,852	14,614,189
Pada 31hb Dis.	B	9,025,272	10,641,852

NOTA KEPADA PENYATA ALIRAN TUNAI

A. PEMBELIAN HARTANAH DAN PERALATAN

Pembelian hartanah dan peralatan yang termasuk di dalam penyata aliran tunai mengandungi amaun-amaun lembaran imbangan yang berikut:

	2014 RM	2013 RM
Jumlah tambahan hartanah dan peralatan Kerja dalam pelaksanaan :	2,899,793	2,309,328
a) Siap dan dipindahkan kepada hartanah dan peralatan	(944,824)	(227,000)
Tolak: Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	(1,153,780)	(1,530,807)
Pembelian hartanah dan peralatan secara tunai	801,189	551,521

B. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai yang termasuk di dalam penyata aliran tunai mengandungi amaun-amaun lembaran imbangan yang berikut:

	2014 RM	2013 RM
Wang di Bank dan di Tangan	1,625,804	1,239,039
Simpanan Tetap	7,399,468	9,402,813
	9,025,272	10,641,852

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2014

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Menjadikan Perbandaran Manjung bandar pelancongan dan maritim yang maju, progresif makmur dan terunggul menjelang 2015.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Mewujudkan kawasan perbandaran yang selesa, selamat dan harmoni melalui pembinaan keupayaan (*Capacity Building*) yang berterusan dalam pelbagai bidang.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 10 jabatan dan 4 unit iaitu:

- 1.3.1 Jabatan Bangunan
- 1.3.2 Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan
- 1.3.3 Jabatan Khidmat Pengurusan
- 1.3.4 Jabatan Pembangunan Komuniti & Sosial
- 1.3.5 Jabatan Penilaian
- 1.3.6 Jabatan Perbendaharaan
- 1.3.7 Jabatan Perancang
- 1.3.8 Jabatan Perkhidmatan Bandar & Pelesenan
- 1.3.9 Jabatan Teknologi Maklumat
- 1.3.10 Jabatan Undang-Undang
- 1.3.11 Unit Audit Dalam
- 1.3.12 Unit Pusat Setempat (OSC)
- 1.3.13 Unit Pembangunan Pelancongan
- 1.3.14 Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan		Taraf Perjawatan	Diisi	
	2014 Bil. Orang	2013 Bil. Orang		2014 Bil. Orang	2013 Bil. Orang
Pengurusan & Professional	32	32	Tetap	10	10
Sokongan I	54	54	Tetap	18	18
			Kontrak	11	11
Sokongan II	467	467	Tetap	338	288
			Kontrak	162	180
			Sambilan	3	4
JUMLAH	553	553		542	511

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 24 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*)
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (*Akta 133*)
- iii. Akta Perancang Bandar & Desa, 1976 (*Akta 172*) dan
- iv. Undang-Undang Kecil yang diluluskan

Lembaga/Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- ii. Jawatankuasa Kecil Pelesenan
- iii. Jawatankuasa Kecil Sebutharga dan Lembaga Tender
- iv. Jawatankuasa Kecil Pengurusan Anggota & Perlantikan
- v. Lembaga Tatatertib dan Kenaikan Pangkat
- vi. Jawatankuasa Kecil Penilaian & Taksiran
- vii. Jawatankuasa Bersih & Indah
- viii. Jawatankuasa Kecil tujuan-tujuan Am
- ix. Jawatankuasa Kecil Kemudahan Awam, Infrastruktur & Lalulintas
- x. Jawatankuasa Kecil Penyelaras Projek-projek

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 ASAS PERAKAUNAN

2.1.1 Kos Sejarah

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

- i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, denda lewat, notis, sewaan kecuali sewa kediaman, dewan, padang dan gelanggang, trek olahraga, peralatan, makmal, sistem audio, sewa Chalet dan tapak penjaja. Faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem

perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

i. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan daripada bayaran balik bil air diiktiraf berdasarkan asas akruan. Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman di bawah mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

2.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

2.2 Hartanah dan Peralatan

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian nilai aset terjejas jika ada. Hartanah dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usiaguna harta tersebut.

Kos harta yang berjumlah RM1000 dan ke atas kecuali perabot, hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk akan dipermodalkan sebagai hartanah dan peralatan. Bagi kos harta yang berjumlah kurang dari RM1000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan kecuali yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual seperti yang disyaratkan di dalam buku panduan pengguna.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30hb. Jun akan disusutnilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30hb. Jun tidak disusutnilaikan.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:-

Tanah Milik Pajak	:	Tempoh Pajak 99 tahun
Bangunan	:	2 – 4% setahun
Pasar	:	2 – 4% setahun
Gerai	:	5% setahun
Gerai Terbuka	:	20% setahun
Kenderaan	:	20% setahun
Mesin	:	25% setahun
Kelengkapan Pejabat	:	20% setahun
Kelengkapan Komputer	:	20% setahun

2.3 Carum Bantu Kadar

Pemberian Carum Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/pemberian yang diluluskan samada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

2.4 Pendapatan Geran

2.4.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambilkira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.

2.4.2 Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pendapatan Tertanggung – Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambilkira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

2.5 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan. Kerja dalam pelaksanaan mengambilkira kerja-kerja yang mempunyai potensi untuk dipermodalkan sebagai hartanah dan peralatan apabila ianya siap dilaksanakan.

2.6 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang. Pinjaman Jangka Pendek adalah jumlah yang akan dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

2.7 Kemudahan Awam

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai hartanah dan peralatan dan diambilkira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

2.8 Penghutang

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu.

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskan dan elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

2.9 Peruntukan Hutang Ragu

Hutang-hutang yang melebihi 5 tahun termasuk tahun semasa dan mempunyai rekod bil-bil dikembalikan sekurang-kurangnya 4 penggal akan diperuntukkan sebagai hutang ragu.

2.10 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos merupakan pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

2.11 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki-baki, simpanan dalam bank dan pelaburan jangka pendek yang amat mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.12 Penurunan Nilai-Nilai Aset

Amaun pembawa hartanah dan peralatan dan pembangunan hartanah akan disemak bagi tujuan penjejasan nilai apabila terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin akan terjejas. Penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amaun pembawa aset dengan amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian daripada penjejasan nilai akan dicaj ke penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai, di dalam kes ini, kerugian daripada penjejasan nilai akan dianggap sebagai pengurangan penilaian.

Kenaikan seterusnya ke atas amaun boleh pulih aset tersebut akan diambil kira sebagai pembalikan terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan diiktiraf setakat mana pembawa nilai aset tersebut telah ditentukan (bersih dari pelunasan dan susutnilai) sebelum sebarang penjejasan nilai diiktiraf ke penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai semula, di dalam kes ini, pembalikan kerugian penjejasan akan dianggap sebagai kenaikan penilaian.

4. HARTANAH DAN PERALATAN 4.1 HARTANAH DAN PERALATAN

2014	Tanah Milik Bebas	Tanah Milik Pajak	Bangunan	Pasar	Gerai	Gerai Terbuka	Mesin	Kenderaan	Kelengkapan Pejabat	Kelengkapan Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Asal/Nilaian											
Baki Awal Tahun	509,226	1,818,769	101,297,813	4,681,526	12,953,883	23,920	1,671,046	10,334,553	1,476,520	2,586,441	137,353,697
Tambahan	0	0	1,654,160	0	825,019	0	61,250	260,000	63,598	35,766	2,899,793
Pelupusan	0	0	0	0	0	0	(10,765)	(219,160)	0	0	(229,925)
Hapus-kira	0	0	0	0	0	0	0	0	(53,800)	(4,000)	(57,800)
Baki Akhir Tahun	509,226	1,818,769	102,951,973	4,681,526	13,778,902	23,920	1,721,531	10,375,393	1,486,318	2,618,207	139,965,765
Susutnilai Terkumpul											
Baki Awal Tahun	0	104,233	21,994,484	1,710,787	4,810,780	23,904	1,442,878	8,175,658	1,157,086	2,281,996	41,701,806
Susutnilai Semasa	0	12,966	2,058,998	93,513	640,026	0	89,303	588,741	82,553	99,597	3,665,697
Pelupusan	0	0	0	0	0	0	(10,761)	(219,159)	0	0	(229,920)
Hapus-kira	0	0	0	0	0	0	0	0	(53,799)	(3,999)	(57,798)
Baki Akhir Tahun	0	117,199	24,053,482	1,804,300	5,450,806	23,904	1,521,420	8,545,240	1,185,840	2,377,594	45,079,785
Nilai Bawaan Bersih	509,226	1,701,570	78,898,491	2,877,226	8,328,096	16	200,111	1,830,153	300,478	240,613	94,885,980
2013	Tanah Milik Bebas	Tanah Milik Pajak	Bangunan	Pasar	Gerai	Gerai Terbuka	Mesin	Kenderaan	Kelengkapan Pejabat	Kelengkapan Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Asal/Nilaian											
Baki Awal Tahun	509,226	1,698,551	101,472,422	4,681,526	12,953,883	23,920	1,404,656	8,684,286	1,266,807	2,465,932	135,161,209
Tambahan	0	120,218	165,391	0	0	0	266,390	1,431,107	209,713	116,509	2,309,328
Pelarasan Tahun Lalu	0	0	(340,000)	0	0	0	0	219,160	0	4,000	(116,840)
Baki Akhir Tahun	509,226	1,818,769	101,297,913	4,681,526	12,953,883	23,920	1,671,046	10,334,553	1,476,520	2,586,441	137,353,697
Susutnilai Terkumpul											
Baki Awal Tahun	0	91,266	20,010,308	1,617,273	4,211,562	23,904	1,363,597	7,697,378	1,109,852	2,187,452	38,312,592
Susutnilai Semasa	0	12,967	2,025,915	93,514	599,218	0	79,281	259,121	47,234	94,544	3,211,794
Pelarasan Tahun Lalu	0	0	(41,739)	0	0	0	0	219,159	0	0	177,420
Baki Akhir Tahun	0	104,233	21,994,484	1,710,787	4,810,780	23,904	1,442,878	8,175,658	1,157,086	2,281,996	41,701,806
Nilai Buku Bersih	509,226	1,714,536	79,303,329	2,970,739	8,143,103	16	228,168	2,158,895	319,434	304,445	95,651,891

4.2 TANAH MILIK BEBAS

Tanah Lot dewan dan Pejabat di Seri Manjung di dalam proses permohonanan pewartaan. Lot 214 dan 215 Lumut di dalam tindakan Pejabat Tanah Manjung bagi proses permohonan hakmilik. Lot 211, 212 dan 213 dipermodalkan di bawah aset tanah milik bebas walaupun telah didirikan bangunan atasnya.

4.3 TANAH MILIK PAJAKAN

Tanah di P.T. 4194 Pangkor, P.T. 3881 Kpg Koh, P.T. 37885-37903 dan P.T. 37946-37997 adalah tanah hak milik Majlis Perbandaran Manjung yang dipermodalkan berdasarkan kos premium.

Tanah P.T. 6220 di Pekan Sitiawan dan P.T. 12062-12074 di Jalan Seri Manjung – Segari diambilkira dalam aset tanah milik pajakan mengikut tarikh pendaftaran hak milik iaitu Januari 2008. Perolehan bagi tanah P.T. 6220 di Pekan Sitiawan dan P.T. 16062 – 12074 di Jalan Seri Manjung – Segari dibiayai oleh pihak pemaju bagi tujuan projek usahasama. (Rujuk nota 27). Pembayaran oleh pihak pemaju diiktiraf sebagai liabiliti atas tanah milik pajakan. Kos perolehan yang dibayar oleh pemaju yang dikategorikan sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

	RM
P.T. 6220 Pekan Sitiawan	674,690
P.T. 12068 – 12074 Perniagaan } P.T. 12062 – 12072 Kediaman } Jalan Seri Manjung – Segari	277,680
	952,370

Tanah P.T. 37946 – 37997 di Jalan Lumut Sitiawan dipermodalkan berdasarkan kos premium yang dibiayai oleh Majlis bagi tujuan projek usahasama. (Rujuk nota 27).

Tanah seluas 4.67 ekar di Lumut dipermodalkan berdasarkan kos premium yang dibiayai oleh Majlis bagi tujuan projek usahasama dan hakmilik masih dalam tindakan Pejabat Tanah Manjung. (Rujuk nota 27).

Tanah Pejabat Cawangan Sitiawan seluas 1.5 ekar dipermodalkan berdasarkan kos premium yang dibiayai oleh Majlis dan hakmilik masih di dalam tindakan Pejabat Tanah Manjung.

Tanah P.T. 37885 – 37903 di Mukim Sitiawan (Belakang Pejabat Daerah Manjung) dipermodalkan berdasarkan kos premium dengan syarat penggunaan tanah bangunan perniagaan – kedai pejabat.

Tanah P.T. 14091, bersebelahan Stesen Minyak Shell, Seri Manjung dipermodalkan berdasarkan kos premium yang dibiayai oleh Majlis dan diselaraskan berdasarkan pendaftaran hakmilik iaitu pada tahun 2010.

Tanah seluas 0.671 hektar di Teluk Muruh mukim Lumut telah dipermodalkan berdasarkan kos permohonan berjumlah RM120,218 dan hakmilik masih dalam tindakan Pejabat Tanah Manjung.

5. KERJA DALAM PERLAKSANAAN

5.1 Projek Pencahayaan di Kompleks Sukan MPM

Nilai Kontrak: RM1,198,880

No. Kontrak: MPM JKT T 4/2013

Tarikh Siap: 6 Jan 2014

	2014	2013
	RM	RM
Baki pada 1 Jan	143,220	0
Campur:		
Pembayaran Kemajuan	1,055,660	143,220
	<u>1,198,880</u>	<u>143,220</u>
Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	1,198,880	0
	<u>0</u>	<u>143,220</u>
Baki pada 31 Dis	<u>0</u>	<u>143,220</u>

5.2 Menambahbaik 2 unit Chalet di Chalet Impian Teluk Batik

Nilai Kontrak: RM125,680

No. Inden: 248/2013

Tarikh Siap: 17 Feb 2014

	2014	2013
	RM	RM
Baki pada 1 Jan	125,680	0
Campur:		
Pembayaran Kemajuan	0	125,680
	<u>125,680</u>	<u>125,680</u>
Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	125,680	0
	<u>0</u>	<u>125,680</u>
Baki pada 31 Dis	<u>0</u>	<u>125,680</u>

5.3 Membina 6 unit Gerai di Jalan Teluk Muruh Lumut

Nilai Kontrak: RM346,324

No Inden : 355/2013

Tarikh Siap : 14 April 2014

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Jan	346,324	0
Campur:		
Pelarasan Pembayaran 2013	10,000	346,324
Pembayaran Semasa	88,570	0
	<u>534,894</u>	<u>346,324</u>
Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	534,894	0
	<u>0</u>	<u>346,324</u>

5.4 Menambahbaik Pusat Penerangan (Bangunan Pelancongan Lumut)

Nilai Kontrak: RM190,200

No Inden : 359/2013

Tarikh Siap : 15 Mac 2014

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Jan	190,200	0
Campur:		
Pembayaran Kemajuan	0	190,200
Pembayaran Ikhtisas		
	<u>190,200</u>	<u>190,200</u>
Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	190,200	0
	<u>0</u>	<u>190,200</u>

5.5 Membina Setor Penyimpanan Komponen Elektrik

Nilai Kontrak: RM139,400

No Inden: 357/2013

Tarikh Siap Sebenar: 14 Mac 2014

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Jan	139,400	0
Campur:		
Pembayaran Kemajuan	0	139,400
	<u>139,400</u>	<u>139,400</u>
Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	139,400	0
	<u>0</u>	<u>139,400</u>

5.6 Mengubahsuai dan Menaiktaraf Restoren Terapung Teluk Dalam kepada Rumah Rehat Kerajaan Negeri

Nilai Kontrak: RM2,355,660

No Kontrak: MPM JKJ T 1/2013

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Jan	0	0
Campur:		
Pembayaran Kemajuan	622,175	0
Pembayaran Ikhtisas	166,050	0
	<u>788,225</u>	<u>0</u>
Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	0	0
	<u>788,225</u>	<u>0</u>
Baki pada 31 Dis	<u>788,225</u>	<u>0</u>

5.7 Membina Sebuah Masjid di Kpg Teluk Bharu Pulau Pangkor

Nilai Kontrak: RM5,998,691

No Kontrak: MPM JKJ T 5/2013

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Jan	0	0
Campur:		
Pembayaran Kemajuan	500,000	0
Pembayaran Ikhtisas	496,696	0
	<u>996,696</u>	<u>0</u>
Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	0	0
	<u>996,696</u>	<u>0</u>
Baki pada 31 Dis	<u>996,696</u>	<u>0</u>

5.8 Membina Sebuah Galeri di Pulau Pangkor

Nilai Kontrak: RM599,750

No Kontrak: MPM JKJ T 6/2013

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Jan	0	0
Campur:		
Pembayaran Kemajuan	599,750	0
Pembayaran Ikhtisas	50,859	0
	<u>650,609</u>	<u>0</u>
Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	0	0
	<u>650,609</u>	<u>0</u>
Baki pada 31 Dis	<u>650,609</u>	<u>0</u>

5.9 Membina Sebuah Pasar di Pulau Pangkor

Nilai Kontrak: RM3,380,000

No Kontrak: MPM JKJ T 1/2014

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Jan	0	0
Campur:		
Pembayaran Kemajuan	0	0
Pembayaran Ikhtisas	19,854	0
	<u>19,854</u>	<u>0</u>
 Tolak:		
Dipindahkan ke Harta Tetap	0	0
	<u>19,854</u>	<u>0</u>
 Baki pada 31 Dis		
	<u>19,854</u>	<u>0</u>
 Jumlah Kerja Dalam Pelaksanaan pada 31 Dis	<u>2,455,384</u>	<u>944,824</u>

6. PENGHUTANG

Cukai Taksiran Am	4,747,325	3,535,199
Carum Bantu Kadar	0	1,081
Sewa	1,152,396	1,702,101
Denda Lewat	13,791	12,775
Notis	522,221	420,710
Bayaran Balik Bil Air	77,787	65,617
	<u>6,513,520</u>	<u>5,737,483</u>
 Tolak: Peruntukan Hutang Ragu		
Cukai Taksiran	985,564	750,792
Sewa	707,363	1,321,034
Denda Lewat	5,998	5,998
Notis	178,814	148,978
	<u>1,877,739</u>	<u>2,226,802</u>
	<u>4,635,781</u>	<u>3,510,681</u>

7. PENDAHULUAN PINJAMAN

Pendahuluan Kenderaan:

Baki pada 1 hb Jan.	70,118	22,162
---------------------	--------	--------

	2014 RM	2013 RM
Campur:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	84,300	62,000
	<u>154,418</u>	<u>84,162</u>
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(12,931)	(14,044)
Baki pada 31hb Dis.	<u>141,487</u>	<u>70,118</u>
Pendahuluan Komputer:		
Baki pada 1hb Jan.	4,209	7,710
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(2,125)	(3,501)
Baki pada 31hb Dis.	<u>2,084</u>	<u>4,209</u>
	<u>143,571</u>	<u>74,327</u>
8. BAYARAN TERDAHULU		
Insurans	91,395	51,823
Wang Jaminan Bank	5,000	5,000
Mesin Frank	42,547	16,704
Pendahuluan Diri	1,346	1,816
	<u>140,288</u>	<u>75,343</u>
9. CAGARAN DIBAYAR		
Air/LAP	25,860	5,732
Telefon	745	745
Elektrik	2,580	328
Mesin Frank	100	100
	<u>29,285</u>	<u>6,905</u>
10. SIMPANAN TETAP		
Baki pada 1hb Jan.	9,402,813	12,098,896
Campur:		
Penambahan Dalam Tahun	1,016,655	34,303
	<u>10,419,468</u>	<u>12,133,199</u>
Tolak:		
Pengeluaran Dalam Tahun	(3,020,000)	(2,730,386)
Baki pada 31hb Dis.	<u>7,399,468</u>	<u>9,402,813</u>

	2014 RM	2013 RM
11. WANG DI BANK DAN DI TANGAN		
Wang Dalam Bank		
MBB, Sitiawan	73,774	159,446
BIMB, Seri Manjung (1)	1,221,546	870,123
BIMB, Seri Manjung (2)	51,879	44,896
BSN, Sitiawan	276,005	161,974
Panjar Wang Runcit	1,000	1,000
Panjar Wang Pusingan	1,600	1,600
	<u>1,625,804</u>	<u>1,239,039</u>
12. PEMIUTANG		
Bayaran Audit	20,765	20,765
Cek Habis Tempoh	103,382	71,748
Pelbagai Pemiutang	5,489,337	4,238,663
	<u>5,613,484</u>	<u>4,331,176</u>
13. TERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran Am	218,885	497,090
CMK Berkanun	502	767
Sewaan	7,258	29,667
Bil Air	409	902
Papan Iklan	3,800	3,200
Parit dan Saliran	810,384	998,392
Rancangan Tempatan	0	15,611
Pengambilan Tanah	0	20,000
	<u>1,041,238</u>	<u>1,565,629</u>
14. CAGARAN DITERIMA		
Perkhidmatan Bandar	25,810	25,810
Jaminan Perlaksanaan Projek	567	567
Projek Pembangunan	88,241	71,673
Sewa Kemudahan	9,927	16,522
Sewa Bangunan	394,294	342,795

	2014 RM	2013 RM
Prosesan Pelan	1,437,936	1,370,362
Tempat Letak Kereta	3,150	900
Perancang Bandar	116,348	116,348
Pas Bulanan Tempat Letak Kereta	16,310	15,760
Lesen	260,913	239,282
Air	23,684	24,676
Banner	100,944	77,526
	<u>2,478,124</u>	<u>2,302,221</u>

15. KUMPULAN WANG

15.1 KUMPULAN WANG TERKUMPUL

Kurangan Pendapatan atas

Perbelanjaan bagi tahun:

(3,561,113) (6,738,891)

Baki pada 1hb Jan.

Seperti yang dilaporkan dahulu:

34,271,454 41,189,188

Pelarasan tahun lepas:

(3,298) (178,843)

Seperti yang dinyatakan semula

34,268,156 41,010,345

Baki pada 31hb Dis.

30,707,043 34,271,454

Pelarasan tahun lepas:

i. Penghutang Cukai Taksiran	(1,561)	(1,021)
ii. Penghutang Notis E	(7,703)	(16,689)
iii. Penghutang Denda Lewat Sewaan	(236)	(7)
iv. Penghutang Sewa Gerai/Bgn. Perniagaan	(2,300)	175
v. Penghutang Sewa Tandas	2,500	23,190
vi. Penghutang Bangunan-Bangunan Lain	(12,000)	0
vii. Penghutang Sewa Meja Pasar	(40)	280
viii. Penghutang Bil Air	(8,011)	0
ix. Cagaran Dibayar	22,380	0
x. Waran F	(58)	0
xi. Terimaan Terdahulu Cukai Taksiran	(12,424)	3,474
xii. Terimaan Terdahulu Sewaan	40	146
xiii. Aset Bangunan	0	(340,000)
xiv. Aset Kelengkapan Komputer	0	4,000
xv. Susutnilai Terkumpul Aset Bangunan	0	41,739
xvi. Bayaran Audit	0	(1,689)
xvii. Pelbagai Pemiutang	16,115	107,559
	<u>(3,298)</u>	<u>(178,843)</u>

	2014 RM	2013 RM
15.2 KUMPULAN WANG PINJAMAN		
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	200,000	200,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	50,000	50,000
15.3 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN		
Baki pada 1 hb Jan:	3,246,547	3,931,787
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun		
Kumpulan Wang Projek Pembangunan	4,032,800	0
Pelarasan Terimaan	35,011	0
	4,067,811	0
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun		
Kumpulan Wang Projek Pembangunan	2,109,591	685,240
	2,109,591	685,240
Baki pada 31hb Dis.	5,204,767	3,246,547

Baki Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada sumbangan daripada syarikat bagi tujuan membangunkan kawasan tanah lapang dan infrastruktur di bawah pentadbiran Majlis masing-masing berjumlah RM542,768 (2013: RM542,768) dan RM1,425,832 (2013: RM1,425,832) serta sumbangan daripada Kerajaan Pusat RM3,236,167 (2013: RM1,277,946).

	2014 RM	2013 RM
15.4 KUMPULAN WANG LAIN-LAIN		
Baki pada 1hb Jan.	521,439	176,465
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun		
Kumpulan Wang Mengurus	1,315,965	2,135,138
Kumpulan Wang Program Pembasmian Kemiskinan	171,363	49,343
	1,487,328	2,184,481
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun		
Kumpulan Wang Mengurus	771,425	1,681,836
Kumpulan Wang Program Pembasmian Kemiskinan Bandar	196,725	157,671
Pelarasan Bayaran	48,642	0
	1,016,792	1,839,507
Baki pada 31hb Dis:	991,975	521,439
Jumlah Kumpulan Wang pada 31 Dis	37,153,785	38,289,440

16. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

2014	Baki Pada 1 Januari	Tambahan	Pelarasan/ (Pelupusan)	Jumlah diperuntukan Kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	52,524,597	2,378,705	0	1,311,025	53,592,277
Pasar	2,245,174	0	0	70,676	2,174,498
Gerai	7,164,257	250,000	0	525,369	6,888,888
Kenderaan	1,431,145	217,000	(1)	329,621	1,316,523
Mesin	35	30,000		7,500	22,535
Kelengkapan Pejabat	99,779	0	0	19,940	79,839
	63,464,987	2,875,705	(1)	2,264,131	64,076,560

2013	Baki Pada 1 Januari	Tambahan	Pelarasan/ (Pelupusan)	Jumlah diperuntukan Kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	53,676,402	143,220	0	1,295,025	52,524,597
Pasar	2,315,850	0	0	70,676	2,245,174
Gerai	7,690,192	0	0	525,935	7,164,257
Kenderaan	37	1,431,107	1	0	1,431,145
Mesin	35	0	0	0	35
Kelengkapan Pejabat	79	99,700	0	0	99,779
	63,682,595	1,674,027	1	1,891,636	63,464,987

	2014 RM	2013 RM
17. HASIL CUKAI		
Cukai Langsung	25,264,081	21,495,479
Carum Bantu Kadar	2,542,281	2,304,929
	<u>27,806,362</u>	<u>23,800,408</u>

18. HASIL BUKAN CUKAI		
Lesen, Permit dan Pendaftaran	2,850,075	2,867,651
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	4,398,018	3,736,202
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	134,223	72,939
Sewaan	1,604,684	1,648,939
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	306,395	435,736
Denda Dan Hukuman	823,617	870,067
	<u>10,117,012</u>	<u>9,631,534</u>

	2014 RM	2013 RM
19. TERIMAAN BUKAN HASIL		
Pulang Balik Perbelanjaan	243,200	108,848
Sumbangan Daripada Agensi Kerajaan	4,099,450	3,968,587
Terimaan-terimaan Lain	29,063	64,417
Peruntukan Hutang Ragu Dibaik Pulih	74,870	157,499
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	2,264,131	1,891,636
	<u>6,710,714</u>	<u>6,190,987</u>
20. EMOLUMEN		
Gaji dan Upahan	8,211,988	7,278,320
Elaun Tetap	2,504,084	2,388,399
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	1,429,057	1,273,413
Elaun Lebih Masa	2,023,210	1,511,532
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	573,040	703,081
	<u>14,741,379</u>	<u>13,194,745</u>
21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Perjalanan Dan Sara Hidup	355,300	341,376
Pengangkutan Barang-Barang	3,531	2,323
Perhubungan Dan Utiliti	4,651,421	2,570,480
Sewaan	663,019	370,473
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	5,306,305	4,382,213
Bekalan Dan Bahan Lain	705,284	915,740
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	5,338,120	6,666,395
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Hospitaliti Yang Dibeli	9,896,855	11,034,498
	<u>26,919,835</u>	<u>26,283,498</u>
22. HARTA MODAL		
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	440,691	630,834
Harta Modal-Harta Modal Yang Lain	21,865	81,476
	<u>462,556</u>	<u>712,310</u>

	2014 RM	2013 RM
23. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP		
Pemberian Dalam Negeri	6,000	70,000
Ganjaran	103,258	132,018
	<u>109,258</u>	<u>202,018</u>
24. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN		
Pulangbalik Hasil Tahun Lepas	2,151	457
Bayaran-bayaran Lain	731,567	530,773
Hapuskira penghutang	14,710	125,333
Peruntukan Hutang Ragu	342,738	784,689
Hapuskira Hartanah dan Peralatan	2	0
	<u>1,091,168</u>	<u>1,441,252</u>
25. PEMBANGUNAN		
Membina Bangunan-bangunan Majlis	205,848	63,222
Kemudahan Tempat Menunggu Bas/Teksi/ Jalan Kaki	19,900	69,014
Kemudahan Papan Tanda, Pelancongan, Tunjuk Arah	168,785	108,962
Pengindahan dan Rekreasi	239,040	203,050
Membina Tempat Letak Kereta	26,278	33,942
Memasang Lampu Taman dan Hiasan	162,736	327,352
Program Bandar Selamat	168,210	224,565
Program Kemasyarakatan	90,087	186,391
Projek Teknologi Maklumat	124,424	99,705
	<u>1,205,308</u>	<u>1,316,203</u>
26. PENGLIBATAN MODAL		
Diluluskan dan dikontrakkan:		
Mengubahsuai dan Menaiktaraf Restoren Terapung Teluk Dalam kepada Rumah Rehat Kerajaan Negeri	1,804,650	0
Membina Sebuah Masjid di Kpg Teluk Baru Pangkor	5,606,871	0
Membina Sebuah Galeri di Pulau Pangkor	215,000	0
Membina Sebuah Pasar di Pulau Pangkor	3,738,280	0
	<u>11,364,801</u>	<u>0</u>

i. Mengubahsuai dan Menaiktaraf Restoren Terapung Teluk Dalam kepada Rumah Rehat Kerajaan Negeri

	RM
Kos Asal Kontrak	2,355,650
Bayaran sehingga 31.12.2014	622,175
	<hr/>
	1,733,485
	<hr/>
Kos Perunding	237,215
Bayaran sehingga 31.12.2014	166,050
	<hr/>
	71,165
Baki Kos Kontrak	1,804,650
	<hr/>

ii. Membina Sebuah Masjid di Kpg Teluk Bharu Pulau Pangkor

	RM
Kos Asal Kontrak	5,998,691
Bayaran sehingga 31.12.2014	500,000
	<hr/>
	5,498,691
Kos Perunding	604,876
Bayaran sehingga 31.12.2014	496,696
	<hr/>
	108,180
Baki Kos Kontrak	5,606,871
	<hr/>

iii. Membina Sebuah Galeri di Pulau Pangkor

	RM
Kos Asal Kontrak	599,750
Tambahan Harga Kerja	215,000
	<hr/>
Kos Kontrak Baru	814,750
Bayaran sehingga 31.12.2014	599,750
	<hr/>
	215,000
Kos Perunding	50,859
Bayaran sehingga 31.12.2014	50,859
	<hr/>
	0
Baki Kos Kontrak	215,000
	<hr/>

iv. Membina Sebuah Pasar di Pulau Pangkor

	RM
Kos Asal Kontrak	3,380,000
Bayaran sehingga 31.12.2014	0
	<hr/>
	3,380,000
Kos Perunding	358,280
Bayaran sehingga 31.12.2014	0
	<hr/>
	358,280
Baki Kos Kontrak	3,738,280
	<hr/>

27. USAHA SAMA ANTARA MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG DENGAN PIHAK PEMAJU

Majlis Perbandaran Manjung (MPM) telah menandatangani empat (4) perjanjian usaha sama dengan pihak pemaju bagi membangunkan empat (4) lot tanah hak milik Majlis Perbandaran Manjung. Maklumat berkaitan perjanjian usaha sama adalah seperti berikut:

- 27.1 Tanah : P.T. 6220
 Hak Milik : H.S.(D) 27031
 Lokasi : Pekan Sitiawan
 Mukim : Sitiawan
 Pemaju : Supreme Concept Sdn Bhd.
 No. Pendaftaran Syarikat : 564604-M
 Alamat : KC 380, Kampong China
 32000 Sitiawan
 Tarikh Perjanjian : 4 Mei 2006
 Pembangunan : Pembinaan Bangunan Perniagaan
 Pembahagian : 25 : 75
 Status : Pembangunan dua (2) unit rumah kedai untuk MPM telah siap. Walau bagaimanapun, sijil perakuan siap masih belum dikeluarkan. Tujuh (7) unit kedai masih belum dilaksanakan oleh pemaju kerana hakmilik individu plot-plot belum dikeluarkan. Perjanjian akan disemak semula.
- 27.2 Tanah : P.T. 12062 - 12074
 Hak Milik : H.S.(D) 26991 - 27003
 Lokasi : Jalan Seri Manjung - Segari

Mukim	:	Lumut
Pemaju	:	Benua Kukuh Sdn Bhd
No. Pendaftaran Syarikat	:	655749-K
Alamat	:	No. 13A, Persiaran Greentown 5, Pusat Perdagangan Greentown, 30450 Ipoh.
Tarikh Perjanjian	:	4 Mei 2006
Pembangunan	:	Pembinaan Pasar Borong dan Jeti Nelayan.
Pembahagian	:	Memindahkan tanah seluas 100 ekar kepada pemaju.
Status	:	Kerja-kerja tambakan di atas tanah bahagian MPM telah siap, Projek telah tertangguh dan pihak MPM dalam proses melaksanakan penilaian tanah oleh JPPH bagi menilai nilai tanah yang akan dipulangkan kepada MPM dan berbanding nilai tanah keseluruhan sebelum tindakan lanjut dapat diambil untuk menamatkan perjanjian.
27.3 Tanah	:	P.T. 37946 - 37997
Hak Milik	:	H.S.(D) 34447 - 34498
Lokasi	:	Jalan Lumut
Mukim	:	Sitiawan
Pemaju	:	Kinta Berkat Sdn Bhd
No. Pendaftaran Syarikat	:	889453-W
Alamat	:	No. 62, Tingkat 1, Taman Medan Sejahtera, Jalan Lumut, 32000 Sitiawan.
Tarikh Perjanjian	:	13 Julai 2011
Pembangunan	:	Pembangunan Komersial
Pembahagian	:	30 : 70
Status	:	Projek pembinaan 51 unit kedai telah siap dan sijil perakuan siap diperakukan pada 30 April 2014. Penyelarasan telah dibuat berhubung projek ini oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan satu kertas cadangan berkaitan projek usahasama dengan pemaju akan disediakan dan dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

27.4	Tanah	:	Seluas 4.67 ekar
	Hak Milik	:	Tindakan Pejabat Tanah Manjung
	Lokasi	:	Lumut
	Mukim	:	Lumut
	Pemaju	:	Kinta Berkat Sdn Bhd
	No. Pendaftaran Syarikat	:	889453-W
	Alamat	:	No. 62, Tingkat 1, Taman Medan Sejahtera, Jalan Lumut, 32000 Sitiawan.
	Tarikh Perjanjian	:	13 Julai 2011
	Pembangunan	:	Pembangunan bercampur komersial dan rumah kediaman
	Pembahagian	:	Pulangan RM2.7 juta kepada Majlis Perbandaran Manjung.
	Status	:	Projek masih belum dilaksanakan.

No. 2550.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Daerah Perak Tengah bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan

mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Perak Tengah pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Daerah Perak Tengah bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN
b.p Ketua Audit Negara
Malaysia

IPOH
17 Ogos 2015

PENYATA AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH, PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Khairul Shahril bin Mohamed dan Jebat bin Din yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Perak Tengah dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Perak Tengah pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

CLR KHAIRUL SHAHRIL BIN MOHAMED

Ahli Majlis

Majlis Daerah Perak Tengah

Bertarikh 14 Ogos 2015

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

CLR. JEBAT BIN DIN

Ahli Majlis

Majlis Daerah Perak Tengah

Bertarikh 14 Ogos 2015

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH
PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Haji Mad Dan bin Hassan, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas kewangan Majlis Daerah Perak Tengah, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh)

penama yang tersebut di atas)

di Seri Iskandar pada)

14 Ogos 2015)

t.t.

Haji Mad Dan bin Hassan

Yang Dipertua

Majlis Daerah Perak Tengah

Di hadapan saya,

t.t.

Pesuruhjaya Sumpah
Majistret Negeri Perak

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH,
PERAK DARUL RIDZUAN
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	NOTA	2014 RM	2013 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	33,265,597	34,521,833
Harta Pelaburan	7	3,681,004	4,045,086
Kerja Dalam Perlaksanaan	8	0	0
		36,946,601	38,566,919
ASET SEMASA			
Penghutang	9	4,020,506	2,945,771
Pendahuluan Pembangunan	10	8,188,598	8,329,366
Pendahuluan Pinjaman	11	26,669	28,106
Simpanan Tetap	12	700,000	700,000
Wang di Bank Dan di Tangan	13	3,148,765	2,246,020
		16,084,538	14,249,263
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	14	485,860	1,385,813
Pemiutang Pembangunan	15	1,112,492	5,882,743
Terimaan Terdahulu	16	42,526	44,041
Cagaran	17	940,184	883,318
Pinjaman Jangka Pendek	18	374,677	367,549
		2,955,739	8,563,464
ASET SEMASA BERSIH		13,128,799	5,685,799
ASET BERSIH		50,075,400	44,252,718
Dibiayai Oleh:			
Kumpulan Wang	19	24,384,278	18,054,275
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	20	18,923,276	19,055,920
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman Jangka Panjang	18	6,767,846	7,142,523
		50,075,400	44,252,718

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH,
PERAK DARUL RIDZUAN
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

		2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN	Nota		
Hasil Cukai	21	5,320,282	3,738,368
Hasil Bukan Cukai	22	1,703,620	1,582,100
Terimaan Bukan Hasil	23	7,883,909	2,387,858
Terimaan Pembangunan	24	283,242	13,773,071
JUMLAH		15,191,053	21,481,397
PERBELANJAAN			
Emolumen	25	3,565,710	3,610,460
Perkhidmatan dan Bekalan	26	3,155,649	1,990,663
Harta Modal	27	62,498	137,744
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	28	254,203	344,143
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	29	455,879	148,015
Pembangunan	30	20,000	2,424,531
Susutnilai	6	1,306,303	979,136
JUMLAH		8,820,242	9,634,692
LEBIHAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN		6,370,811	11,846,705

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pembinaan Kemiskinan Bandar	Kumpulan Wang Melawat Perak	Kumpulan Wang Bandar Selamat	Kumpulan Wang Amanah Saliran	Kumpulan Wang Marris	Kumpulan Wang Gaji PKA	Jumlah
Baki pada 1 hb Jan 2013	12,580,793	75,000	25,000	800,632	126,802	26	215	1518	0	0	13,609,986
Lebihan Pendapatan bagi tahun	11,846,705	0	0	0	0	0	0	0	0	0	11,846,705
Tambahan	0	0	0	0	245,210	0	0	89,733	740,090	72,273	1,147,306
Perbelanjaan	0	0	0	(794,765)	(146,213)	0	0	(91,736)	(733,585)	(66,234)	(1,832,533)
Baki pada 31 hb Dis 2013	24,427,498	75,000	25,000	5,867	225,799	26	215	(485)	6,505	6,039	24,771,464
Pelarasan Tahun Lalu	(6,717,674)	0	0	0	0	0	0	485	0	0	(6,717,189)
Baki pada 31 hb Dis 2013 Dinyatakan semula	17,709,824	75,000	25,000	5,867	225,799	26	215	0	6,505	6,039	18,054,275
Lebihan Pendapatan bagi tahun	6,370,811	0	0	0	0	0	0	0	0	0	6,370,811
Tambahan Sumbangan Semasa	0	0	0	200,000	31,248	0	0	847,330	126,945	24,383	1,229,906
Perbelanjaan	0	0	0	(200,000)	(223,426)	0	0	(819,420)	(9,062)	(22,406)	(1,274,314)
Pelarasan tahun lepas seperti yang dinyatakan semula	3,600	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3,600
Baki pada 31 hb Dis 2014	24,084,235	75,000	25,000	5,867	33,621	26	215	27,910	124,388	8,016	24,384,278

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH,
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebih pendapatan atas perbelanjaan	6,370,811	11,846,705
Pelarasan untuk perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:		
Pelarasan tahun lepas	3,600	(6,717,674)
Pelarasan susutnilai hartanah, loji dan peralatan	87,126	3,480
Pelarasan pemberian kerajaan yang dimodalkan	0	146
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	1,306,303	979,136
Hapuskira	82,880	88,889
Rosotnilai harta pelaburan	0	1,266,107
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	310,731	0
Faedah atas pinjaman	234,799	329,143
Faedah dan perolehan dari pelaburan	(41,405)	(33,776)
Pindahan daripada pemberian kerajaan yang dimodalkan	(822,588)	(755,152)
Keuntungan atas jualan hartanah, loji dan peralatan	(843,691)	0
Lebih pendapatan atas perbelanjaan sebelum perubahan modal kerja	6,688,566	7,007,004
Pertambahan dalam penghutang	(1,157,615)	(484,438)
Pengurangan/(Pertambahan) dalam penghutang pembangunan	140,768	(6,212,243)
Pengurangan/(Pertambahan) dalam pendahuluan pinjaman	1,437	(14,222)
(Pengurangan)/Pertambahan dalam pemiutang	(899,953)	1,056,069
Pengurangan dalam pemiutang pembangunan	(4,770,251)	(3,013,786)
Pengurangan dalam terimaan terdahulu	(1,515)	(2,741)
Pertambahan dalam cagaran	56,866	35,551
Pengurangan dalam kumpulan wang	(44,408)	(684,742)
Aliran tunai bersih diperolehi daripada/ (digunakan untuk) aktiviti operasi	13,895	(2,313,548)

	2014 RM	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(761,631)	(12,495,610)
Terimaan daripada pemberian kerajaan yang dimodalkan	733,902	1,551,755
Kurangan daripada pemberian kerajaan yang dimodalkan	(43,958)	0
Pengurangan dalam kerja dalam pelaksanaan	0	11,393,313
Pertambahan/(Pengurangan) dalam harta pelaburan	364,082	(419,945)
Terimaan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	1,157,398	0
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pelaburan	1,449,793	29,513
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Pertambahan dalam pinjaman	0	1,374,966
Pembayaran dalam pinjaman	(367,549)	0
Faedah dibayar	(234,799)	(329,143)
Faedah diterima	41,405	33,776
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih (digunakan untuk)/ diperolehi daripada aktiviti kewangan	(560,943)	1,079,599
	<hr/>	<hr/>
Pertambahan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	902,745	(1,204,436)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	2,946,020	4,150,456
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3,848,765	2,946,020
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:		
Simpanan Tetap	700,000	700,000
Wang di bank dan di tangan	3,148,765	2,246,020
	<hr/>	<hr/>
	3,848,765	2,946,020
	<hr/>	<hr/>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2014

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Seri Iskandar Ke Arah Urbanisasi Dan Bandar Pilihan Menjelang Tahun 2015.

1.2 AKTIVITI UTAMA

- Merancang dan melaksanakan projek pembangunan untuk penghuni di kawasan Majlis.
- Memberi dan menyediakan perkhidmatan kepada semua pembayar cukai.
- Memberi dan menyediakan kesejahteraan dan keselesaan kepada masyarakat dari segi sosio-ekonomi dan persekitaran.
- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Majlis bagi kesejahteraan rakyat.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 6 jabatan dan 3 unit iaitu:

- i. Jabatan Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- ii. Jabatan Perbendaharaan
- iii. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- iv. Jabatan Perancangan Pembangunan
- v. Jabatan Kejuruteraan
- vi. Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran
- vii. Unit Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Komuniti
- viii. Unit Undang-Undang
- ix. Unit Pusat Setempat

1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
Pengurusan & Profesional	1	Tetap	1
Pelaksana	114	Tetap	102

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 16 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberi di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*)
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (*Akta 133*)
- iii. Akta Perancangan Bandar & Desa, 1976 (*Akta 172*)
- iv. Undang-Undang Kecil yang diluluskan

Lembaga/Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Perlantikan
- ii. Jawatankuasa Kenaikan Pangkat
- iii. Jawatankuasa Tatatertib
- iv. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib
- v. Jawatankuasa Penerima Sebutharga/Tender
- vi. Jawatankuasa Pembukaan Sebutharga
- vii. Jawatankuasa Cukai Taksiran Dan Bantahan
- viii. Jawatankuasa Lalulintas
- ix. Jawatankuasa Pelesenan, Perkhidmatan Bandar Dan Penguatkuasaan
- x. Jawatankuasa Kebersihan Dan Pengindahan
- xi. Jawatankuasa Sosial, Pendidikan Dan Local Agenda
- xii. Jawatankuasa Pelaburan, Penswastan Dan Hartanah
- xiii. Jawatankuasa Kewangan
- xiv. Jawatankuasa Unit Pusat Setempat (OSC)
- xv. Jawatankuasa Bandar Selamat
- xvi. Jawatankuasa Majlis Masyarakat Sivil
- xvii. Jawatankuasa Sewaan Dan Pengurusan Premis
- xviii. Lembaga Pelupusan
- xix. Lembaga Lantikan, Tatatertib Dan Kenaikan Pangkat

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperoleh pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 ASAS PERAKAUNAN

2.1.1 Kos Sejarah

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Hasil daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, sumbangan membantu kadar, sewaan kecuali sewa dewan, padang dan gelanggang, peralatan dan tapak penjaja. Notis dan faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Manakala pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

2.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usiaguna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30hb. Jun setiap tahun dengan mengambilkira peruntukan total untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:-

Tanah Milik Pajak	:	Tempoh Pajakan 99 tahun
Bangunan	:	2% setahun
Gerai	:	5% setahun
Kenderaan	:	20% setahun
Peralatan	:	25% setahun
Perabut & Kelengkapan Pejabat	:	10% setahun
Loji dan Mesin	:	25% setahun
Mini Stadium	:	2% setahun

2.3 Carum Bantu Kadar

Pemberian Carum Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/ pemberian yang diluluskan samada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

2.4 Pendapatan Geran

2.4.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambilkira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.

2.4.2 Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambilkira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

2.5 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

2.6 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Pendek (Dalam Masa 12 bulan) dan Pinjaman Jangka Panjang (Melebihi 12 bulan)-Pinjaman Dari Kerajaan Negeri. Pinjaman Jangka Pendek adalah jumlah yang akan dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

2.7 Kemudahan Awam

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diambilkira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

2.8 Penghutang

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskan.

2.9 Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja Majlis

ii. Pelan Caruman Wajib

Majlis membayar caruman wajib pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila ia tertanggung.

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di bank dan di tangan dan deposit berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

Penyata aliran tunai disediakan mengikut kaedah tidak langsung.

2.11 Rosotnilai Aset

Nilai dibawa aset akan dinilai sama ada terdapat tanda-tanda rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa dan nilai boleh pulih aset berkenaan.

Kerugian rosotnilai diambilkira di dalam penyata pendapatan. Penambahan selanjutnya dalam nilai boleh pulih aset tersebut diambilkira sebagai pengembalian semula terhadap kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai dibawa aset tersebut yang boleh dipastikan (setelah ditolak pelunasan dan susutnilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pengembalian semula tersebut diambilkira di dalam penyata pendapatan.

3. PERISTIWA PENTING

3.1 Tuntutan Kes Mahkamah

3.1.1 Malaysia Building Society Berhad (MBSB) lawan MDPT (Guaman Sivil No: 22-22-2003)

Pada 29 Januari 2003, MBSB telah memfailkan tuntutan ke atas MDPT sebanyak RM4,575,000.00 beserta faedah pada kadar 8% setahun dari 30 Oktober 2002. Tuntutan ini adalah berdasarkan pelanggaran terma Perjanjian Serahak oleh MDPT. Melalui perjanjian tersebut, MDPT telah memberi akujanji untuk membuat bayaran kontrak secara terus kepada MBSB. Walau bagaimanapun MDPT telah membuat bayaran kepada satu syarikat iaitu Neraca Teguh Sdn. Bhd. MDPT telah membuat rayuan untuk membatalkan kes ini tetapi telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan.

Beberapa siri perundingan bersama pihak MBSB telah diadakan bagi penyelesaian kes di luar mahkamah. Pihak MBSB bersetuju amaun penyelesaian kes adalah berdasarkan kepada jumlah prinsipal iaitu RM4,575,000.00 tanpa apa-apa faedah dan kos.

Pada tarikh pendengaran akhir kes pada 17 Disember 2012, kedua-dua Peguamcara telah merekodkan Penghakiman Persetujuan bahawa MDPT hendaklah membayar kepada MBSB jumlah wang sebanyak RM4,575,000.00 dalam tempoh 18 bulan dari tarikh penghakiman persetujuan tersebut iaitu pada 16 Jun 2014.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1731 bertarikh 6 Februari 2013, telah memutuskan pemberimilikan tanah kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan (SSI) seluas 10 ekar sebagai penyelesaian kes tuntutan saman MBSB ke atas MDPT. Satu perjumpaan diadakan pada 2 April 2013, di Pejabat Bahagian Dewan Negeri dan MMK dan dihadiri oleh Pengurus Besar Perbadanan SSI, Setiausaha MMK, MBSB, PTG dan MDPT. Dalam perjumpaan tersebut, MDPT telah dimaklumkan bahawa pembayaran RM4,575,000.00 akan dibuat oleh SSI bagi pihak MDPT. Perkara ini telah disahkan sendiri oleh Pengurus Besar SSI.

Pada 13 Jun 2014, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) telah menjelaskan keseluruhan bayaran kepada MBSB sebanyak RM4,575,000.00 sebagai penyelesaian tuntutan saman tersebut.

4. LIABILITI LUAR JANGKA

4.1 Tuntutan Kes Mahkamah

4.1.1 Restu Teguh Sdn. Bhd. Lawan Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT), Pejabat Pengarah Tanah & Galian Negeri Perak, Kerajaan Negeri Perak, dan Antero Harapan Sdn. Bhd.

(Guaman Sivil No: 22NCV-93-09/2014)

Pada 23 April 2014, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menolak permohonan MDPT bagi pemberimilikan tanah kerajaan di atas kawasan seluas kira-kira 21.27 hektar di Mukim Bota dan telah meluluskan pemberimilikan tanah tersebut kepada Perbadanan Setiausaha Negeri Perak (SSI) untuk tujuan skim perniagaan. Restu Teguh Sdn. Bhd. (RTSB) telah memfailkan pernyataan tuntutan dan 'writ' saman di Mahkamah Tinggi Ipoh sebanyak RM52,003,275.87 sebagai balasan kepada Perjanjian Usahasama bertarikh 29 Ogos 2013 dan balasan kepada Tetuan Raimy (RFA) sebagai 'stakeholder'. Pada 22 September 2014, MDPT telah melantik Tetuan Mad Diah Das & Co (MDD) sebagai Peguamcara dalam kes ini manakala RFA sebagai 'Instructing Solicitor'. Kes ini masih dibicarakan sehingga hari ini dan proses mediasi telah diadakan pada 5 Mac 2015 di Mahkamah Tinggi Ipoh.

5. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan telah diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 3/2015 pada 30 Mac 2015

6.2 TANAH MILIK BEBAS

Bayaran RM45,300 adalah bayaran bagi permohonan pelepasan sebahagian tanah Persekutuan P.T. 1387 (H.S.(M). 495) Mukim Kampung Gajah kepada Kerajaan Negeri Perak bagi tujuan Pejabat Majlis Daerah Perak Tengah Cawangan Kampung Gajah. Hak milik belum dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Kampung Gajah.

6.3 TANAH MILIK PAJAKAN

Bayaran RM11,300 adalah bayaran premium untuk bangunan kedai 5 pintu di Pekan Bota yang diusahakan oleh PKNP dan diserahkan kepada Majlis Daerah Perak Tengah.

7. HARTA PELABURAN

	2014 RM	2013 RM
i) 1 lot tanah di Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 2 dengan harga kos seunit RM15,833.60	15,833	15,833
ii) 130 lot Rumah Kos Rendah Desa Seri Iskandar dengan harga kos seunit RM26,572.69	3,454,450	3,454,450
iii) 1 lot tanah di Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 3 dengan harga kos seunit RM23,170.64	23,171	162,194
iv) 5 lot tanah di Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 4 dengan harga kos seunit RM37,509.90	187,550	412,609
	3,681,004	4,045,086

9. KERJA DALAM PERLAKSANAAN

2013	Bangunan Pejabat MDPT RM	Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 4 RM	Jumlah RM
Baki Awal	8,027,771	3,365,542	11,393,313
Pelarasan	69,038	(3,009,930)	(2,940,892)
Transaksi Semasa	2,322,652	(355,612)	1,967,040
Jumlah	10,419,461	0	10,419,461
Jumlah Dipermodalkan	(10,419,461)	0	(10,419,461)
Baki Akhir	0	0	0

9. PENGHUTANG

	2014 RM	2013 RM
Cukai Taksiran Am	1,807,637	1,459,623
Carum Bantu Kadar	666,770	866,299
Sewa Gerai	522,927	508,319
Rumah Kedai	1,007,391	4,875
Pelbagai	15,781	106,655
	<u>4,020,506</u>	<u>2,945,771</u>

10. PENGHUTANG PEMBANGUNAN

Lot Banglo Seri Iskandar	4,392	4,392
Lot Banglo Kampung Gajah	831	831
Rumah Kos Rendah	588,041	597,444
Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 3 - Pembeli	205,646	0
Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 3 - Peguam (pemegang Amanah)	0	22,518
Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 4 - Pembeli	389,688	704,181
Projek Seri Iman - Peguam MDPT	7,000,000	7,000,000
	<u>8,188,598</u>	<u>8,329,366</u>

11. PENDAHULUAN PINJAMAN

11.1 Pendahuluan Kenderaan:

Baki pada 1hb. Jan	16,834	4,800
Campur:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	15,000	15,000
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(11,466)	(2,966)
	<u>20,368</u>	<u>16,834</u>

11.2 Pendahuluan Komputer:

Baki pada 1hb. Jan	11,272	9,084
Campur:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	6,000	8,000
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(10,971)	(5,812)
	<u>6,301</u>	<u>11,272</u>
	<u>26,669</u>	<u>28,106</u>

12. SIMPANAN TETAP

	2014	2013
	RM	RM
Baki pada 1hb. Jan	700,000	400,000
Penambahan Dalam Tahun	0	300,000
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31hb. Dis	700,000	700,000

13. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

Wang Dalam Bank		
Agro Bank, Seri Iskandar	36,096	652,780
Agro Bank, Pinjaman Kenderaan	62,224	65,052
Agro Bank, Pinjaman Komputer	15,335	10,275
BIMB, Seri Iskandar (PPKB)	37,545	229,432
Panjar Wang Runcit	3	4
BIMB, Seri Iskandar	1,627,642	606,445
BIMB, Seri Iskandar (PRE)	0	1,436
BIMB, Seri Iskandar (Pembinaan Pejabat)	505	505
Maybank	22,174	101,907
BIMB, Seri Iskandar (LBSI 3/4)	1,201,114	565,590
BSN	27,013	12,594
BIMB, Seri Iskandar (Marris)	119,114	0
	<hr/>	<hr/>
	3,148,765	2,246,020

14. PEMIUTANG

Pelbagai Pemiutang	472,466	1,373,120
Bayaran Audit	12,714	12,013
Cagaran Dikembalikan	680	680
	<hr/>	<hr/>
	485,860	1,385,813

15. PEMIUTANG PEMBANGUNAN

Kedai Pejabat Seri Iskandar	216,150	216,150
Pembeli Rumah Kos Rendah	256,823	256,823
Pembeli Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 2	953	953
Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 4 (Saari & Anak-Anak)	48,153	170,087
Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 4 (Tetuan Mior Raimy)	0	10,000
Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 4 (Perunding)	51,282	71,282
Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 4	206,492	221,832
Yuran Guaman	328,839	4,935,616
Lot Banglo Seri Iskandar Fasa 3	3,800	0
	<hr/>	<hr/>
	1,112,492	5,882,743

16. TERIMAAN TERDAHULU

	2014	2013
	RM	RM
Sewa Gerai	6,808	8,323
Pinjaman Kenderaan	2	2
Pinjaman Komputer	1	1
Lot Banglo Kg. Gajah	16,300	16,300
Rumah Kos Rendah	19,415	19,415
	<u>42,526</u>	<u>44,041</u>

17. CAGARAN

Pelbagai Cagaran	940,184	883,318
	<u>940,184</u>	<u>883,318</u>

18. PINJAMAN

18.1 Jangka Pendek		
Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	374,677	367,549
	<u>374,677</u>	<u>367,549</u>
18.2 Jangka Panjang		
Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	6,767,846	7,142,523
	<u>6,767,846</u>	<u>7,142,523</u>

18.3 Pinjaman Membiayai Kos Pembinaan 20 Unit Rumah Kedai Di Bandar Baru Seri Iskandar

Pinjaman berjumlah RM1,500,000 dengan bayaran balik dalam masa 15 tahun di mana tempoh penangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula September 1998 dengan kadar 4% setahun. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membuat Perjanjian Tambahan serta penjadualan semula pembayaran balik bagi baki pinjaman tersebut dan bersetuju untuk meminda Perjanjian Asal. Perjanjian Tambahan ditandatangani 23 Jun 2006 dengan baki pinjaman sebanyak RM1,748,455.04. Bayaran balik bermula 11 Januari 2007 iaitu sebanyak RM69,938.20 setahun.

18.4 Pinjaman Untuk Membina Sebuah Kompleks Perniagaan Di Pusat Bandar Kampung Gajah

Pinjaman berjumlah RM1,500,000 dengan bayaran balik dalam masa 8 tahun di mana tempoh penangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula 13 Januari 2001 dengan kadar 4% setahun. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membuat Perjanjian Tambahan serta penjadualan semula pembayaran balik bagi baki pinjaman tersebut dan bersetuju untuk meminda Perjanjian Asal. Perjanjian Tambahan ditandatangani 23 Jun 2006 dengan baki pinjaman sebanyak RM1,540,625.25 Bayaran balik bermula pada 11 Januari 2007 iaitu sebanyak RM61,625.01 setahun.

18.5 Pinjaman Untuk Membiayai Kos Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kerosakan Perumahan Kos Rendah Desa Seri Iskandar Fasa 1A

Pinjaman berjumlah RM481,890 dengan bayaran balik dalam masa 6 tahun di mana tempoh penangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula 7 Mei 2011 iaitu sebanyak RM80,315.00 setahun dengan tiada faedah dikenakan.

18.6 Pinjaman Untuk Membiayai Pembinaan Bangunan Pentadbiran MDPT

Pinjaman berjumlah RM5,000,000 dengan tempoh bayaran balik 20 tahun di mana tempoh pengangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula 2 Julai 2014 dengan kadar faedah 4% setahun. Bayaran balik berjumlah RM390,469.53 setahun.

19. KUMPULAN WANG

	2014 RM	2013 RM
19.1 Kumpulan Wang Berkumpul		
Lebih Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun:	6,370,811	11,846,705
Baki pada 1hb. Jan		
Seperti yang dilaporkan dahulu:	17,709,824	12,580,793
Pelarasan tahun lepas:	3,600	(6,717,674)
Seperti yang dinyatakan semula:	<u>17,713,424</u>	<u>5,863,119</u>
Baki pada 31hb. Dis	<u>24,084,235</u>	<u>17,709,824</u>
19.2 Kumpulan Wang Pembangunan		
Baki pada 1hb. Jan	5,867	800,632
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	200,000	0
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(200,000)	(794,765)
Baki pada 31hb. Dis	<u>5,867</u>	<u>5,867</u>
19.3 Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan Bandar		
Baki pada 1hb. Jan	225,799	126,802
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	31,248	245,210
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(223,426)	(146,213)
Baki pada 31hb. Dis	<u>33,621</u>	<u>225,799</u>

	2014 RM	2013 RM
19.4 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		
Baki pada 1hb. Jan	75,000	75,000
Baki pada 31hb. Dis	75,000	75,000
19.5 Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		
Baki pada 1hb. Jan	25,000	25,000
Baki pada 31hb. Dis	25,000	25,000
19.6 Kumpulan Wang Tahun Melawat Perak		
Baki pada 1hb. Jan	26	26
Baki pada 31hb. Dis	26	26
19.7 Kumpulan Wang Bandar Selamat		
Baki pada 1hb. Jan	215	215
Baki pada 31hb. Dis	215	215
19.8 Kumpulan Wang Akaun Amanah Saliran		
Baki pada 1hb. Jan	0	1,518
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	847,330	89,733
Pelarasan Dalam Tahun	0	485
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(819,420)	(91,736)
Baki pada 31hb. Dis	27,910	0
19.9 Kumpulan Wang Marris		
Baki pada 1hb. Jan	6,505	0
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	126,945	740,090
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(9,062)	(733,585)
Baki pada 31hb. Dis	124,388	6,505

	2014 RM	2013 RM
19.10 Kumpulan Wang Gaji PKA		
Baki pada 1hb. Jan	6,039	0
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	24,383	72,273
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(22,406)	(66,234)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31hb. Dis	8,016	6,039
	<hr/>	<hr/>
JUMLAH KUMPULAN WANG	24,384,278	18,054,275

20. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan geran kerajaan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan

2014	Baki Pada 1 Januari	Tambahan/ (Kurangan) Bagi Tahun	Jumlah Diperuntukkan Kpd Pendapatan Bagi Tahun	Pelarasan	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	16,345,776	673,902 (337,557)	(406,211) (114,994)	(7,052) (176,300)	16,444,219
Gerai	1,296,909	40,000	(133,127)	0	1,203,782
Kenderaan	1,113,598	0 (16,994)	(222,717) (16,993)	0	890,880
Perabut & Kelengkapan Pejabat	127,887	20,000	(34,100)	4,231	212,828
				123,800 20,529	
		(50,000)	(5,000)		
Peralatan	15	0	(13,125)	2,821	13,140
				52,500 23,429	
Loji & Mesin	21,238	0	(9,025)	0	12,213
Mini Stadium	150,497	0	(4,283)	0	146,214
Jumlah	19,055,920	733,902 (404,551)	(822,588) (136,987)	43,958	18,923,276

2013	Baki Pada 1 Januari	Tambahan/ (Kurangan) Bagi Tahun	Jumlah Diperuntukkan Kpd Pendapatan Bagi Tahun	Pelarasan	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	16,407,151	346,378	(407,753)	0	16,345,776
Gerai	1,409,186	29,982	(142,259)	0	1,296,909
Kenderaan	13	1,113,585	0	0	1,113,598
Perabut & Kelengkapan Pejabat	94,461	50,000	(16,720)	146	127,887
Peralatan	175,124	0	(175,109)	0	15
Loji & Mesin	18,456	11,810	(9,028)	0	21,238
Mini Stadium	154,780	0	(4,283)	0	150,497
Jumlah	18,259,171	1,551,755	(755,152)	146	19,055,920

21. HASIL CUKAI

	2014 RM	2013 RM
Cukai Langsung	3,496,554	1,922,242
Carum bantu Kadar	1,823,728	1,816,126
	<hr/>	<hr/>
	5,320,282	3,738,368
	<hr/>	<hr/>

22. HASIL BUKAN CUKAI

Lesen, Permit dan Pendaftaran	479,188	431,225
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	393,033	318,531
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	39,155	30,190
Sewaan	743,834	763,643
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	41,405	33,776
Denda dan Hukuman	7,005	4,735
	<hr/>	<hr/>
	1,703,620	1,582,100
	<hr/>	<hr/>

23. TERIMAAN BUKAN HASIL

Sumbangan Daripada Agensi Kerajaan	1,624,728	1,616,602
Terimaan-Terimaan Lain	17,902	9,544
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	822,588	755,152
Keuntungan atas Jualan	843,691	6,560
Penyelesaian Hutang MBSB oleh SSI (Nota 3.1.1)	4,575,000	0
	<hr/>	<hr/>
	7,883,909	2,387,858
	<hr/>	<hr/>

24. TERIMAAN PEMBANGUNAN

Lain-Lain Pendapatan LBSI Fasa 3	189,686	0
Lain-Lain Pendapatan LBSI Fasa 4	93,556	1,362,508
Lain-Lain Pendapatan Projek Rumah Kos Rendah 1A	0	12,410,563
	<hr/>	<hr/>
	283,242	13,773,071
	<hr/>	<hr/>

25. EMOLUMEN

Gaji dan Upahan	2,284,103	2,138,367
Elaun Tetap	672,562	671,760
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	400,574	377,441
Elaun Lebih Masa	137,400	116,854
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	71,071	306,038
	<hr/>	<hr/>
	3,565,710	3,610,460
	<hr/>	<hr/>

26. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2014	2013
	RM	RM
Perjalanan Dan Sara Hidup	111,509	113,484
Pengangkutan Barang-Barang	503	1,509
Perhubungan Dan Utiliti	1,124,060	218,317
Sewaan	20,290	25,900
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	145,029	152,837
Bekalan Dan Bahan Lain	120,202	100,570
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	123,692	122,680
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Hospitaliti Yang Dibeli	1,510,364	1,255,366
	<u>3,155,649</u>	<u>1,990,663</u>

27. HARTA MODAL

Tanah	8,172	12,654
Kemudahan	21,890	65,561
Harta Modal-Harta Modal Yang Lain	13,174	52,994
Binatang, Pokok Dan Benih	19,262	6,535
	<u>62,498</u>	<u>137,744</u>

28. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

Pemberian Dalam Negeri	18,000	15,000
Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Yang Lain	234,799	329,143
Gantian Cuti Rehat	1,404	0
	<u>254,203</u>	<u>344,143</u>

29. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

Bayaran-Bayaran Lain	49,504	53,007
Hapuskira	82,880	88,889
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan	310,731	0
Caj Bank	12,764	6,119
	<u>455,879</u>	<u>148,015</u>

	2014	2013
	RM	RM
30. PEMBANGUNAN		
Bayaran Lain	20,000	2,424,531
	<u>20,000</u>	<u>2,424,531</u>
31. PELARASAN TAHUN LEPAS		
Hasil Terkurang Catat	200	1,267,789
Perbelanjaan Pembangunan Terkurang Catat	0	(3,009,930)
Pemiutang Terkurang Catat	701	(4,860,294)
Penghutang Terlebih Catat	(3,234)	(114,754)
Perbelanjaan Terkurang Catat	16,624	(485)
Terimaan Pembangunan Terkurang Catat	(17,891)	0
	<u>(3,600)</u>	<u>(6,717,674)</u>
32. PENGLIBATAN MODAL		
Diluluskan dan dikontrakkan:		
Membina Bangunan Pejabat Majlis Daerah Perak Tengah	208,274	231,274
Menaiktaraf Kompleks Sukan, Parit	0	175,579
Menaiktaraf Medan Selera, Seri Iskandar	0	95,800
Menaiktaraf Stesen Bas, Parit	0	10,000
Menaiktaraf Dewan Serbaguna, Parit	0	45,000
Menaiktaraf Rumah Rehat Cempakasari, Parit	0	20,000
Menaiktaraf Gerai Buah-Buahan, Titi Gantung	0	29,982
Menaiktaraf Medan Selera, Seri Iskandar	20,000	0
Menaiktaraf Medan Selera, Parit	40,000	0
Membina Bangunan Setor Menyimpan Barang di Seri Iskandar	49,188	0
Menaiktaraf Pasar Awam, Parit	48,060	0
Menaiktaraf Dewan Serbaguna, Kg. Gajah	20,000	0
Menaiktaraf Kedai Majlis Iskandar Utama, Seri Iskandar	20,000	0
Menaiktaraf Dewan Orang Ramai MDPT di Kg. Gajah	20,000	0
Menaiktaraf Dewan Orang Ramai MDPT Taman Desa Seri Bayu	20,000	0
Menaiktaraf Bengkel 6 unit, Seri Iskandar	142,499	0
Menaiktaraf Dewan Serbaguna, Seri Iskandar	294,155	0
Menaiktaraf Gerai Buah-Buahan, Titi Gantung	20,000	0
Menaiktaraf Kedai Majlis di Kg. Pulau Gajah, Kg. Gajah	20,000	0
	<u>922,176</u>	<u>607,635</u>

i. Membina Bangunan Pejabat Majlis
Daerah Perak Tengah

	RM
Kos Asal Kontrak	9,386,911
Tambahan Kos 2011	745,000
Tambahan Kos 2012	750,975
Pengurangan Kos 2012	(1,329,396)
	<hr/>
Lain-Lain Kos	(1,097,246)
	<hr/>
Jumlah Kos	10,650,736
	<hr/>
Bayaran sehingga 31.12.2010	(1,622,471)
Bayaran sehingga 31.12.2011	(2,034,000)
Bayaran sehingga 31.12.2012	(4,371,300)
Bayaran sehingga 31.12.2013	(2,391,691)
Bayaran sehingga 31.12.2014	(23,000)
	<hr/>
Baki	208,274
	<hr/>

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA